



بوليتين **SUK** *Buletin* **KELANTAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Bil. 01/2024 (Jan-Mac)



**FORUM EKSEKUTIF
SEKSYEN 14 KANUN
TANAH NEGARA
M/S 03**



**MAJLIS PENYAMPAIAN
ZAKAT MELALUI MAJLIS
ORANG-ORANG BESAR DIRAJA
KELANTAN
M/S 13**



**LAWATAN KERJA YANG
BERHORMAT DATO' KAYA
SETIA SETIAUSAHA
KERAJAAN KELANTAN KE
PANTAI SEMERAK
M/S10**



**MAJLIS PENYAMPAIAN
HADIAH ANUGERAH
INOVASI SEKTOR AWAM
PERINGKAT NEGERI
KELANTAN
M/S 18**



ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI



03

**Forum Eksekutif
SEKSYEN 14 KANUN TANAH
NEGARA:
PELUANG ATAU CABARAN**



04

**Amanat Tahun Baharu &
Himpunan Penjawat Awam
Tahun 2024**



08

**Majlis Pelancaran Tahun
Melawat Kelantan 2024**



09

**Majlis Memperingati
Peristiwa Israk & Mikraj**



10

**Lawatan Kerja
Yang Berhormat Dato' Kaya
Setia Setiausaha Kerajaan
Kelantan Ke Tok Bali,
Pasir Puteh, Kelantan**



kajian Kepuasan
Pelanggan Pejabat
Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan



**SILA SCAN
QR CODE INI**

PENAUNG

YBhg. Dato' Kaya Setia Datuk Nazran bin Muhammad
Setiausaha Kerajaan Kelantan

PENASIHAT

YABrs Tn. Hj. Ab. Pattah Bin Hasbullah
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

KETUA EDITOR

YBrs. Pn. Fatimah binti Mohd Noor
Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Korporat)

EDITOR

YBhg. Dato' Norazman B. Abd Ghani
YBrs. Tn. Hj. Mohd Zaki bin Yusof
YBrs. En. Mohamad Nazwan B. Ismail
YBrs. En. Muhammed Imran bin Mansoor
YBrs. En. Nik Rahimin bin Wan Hussin
YBrs. En. Mohd Kamaruddin B. Omar
YBrs. En. Nik Khairul Anuar bin Nik Yusoff
YBrs. Tn. Hj. Mohamad B. Othman
YBrs. Tn. Hj. Mohd Hariff B. Ghazali
YBrs. Pn. Hjh. Nor Sheri Erani Bt. Abdullah
YBrs. Tn. Hj. Nik Mohamed Noor B. Nik Ishak
YBrs. En. Mohd Zaki B. Ismail
YBrs. En. Mohd Helmi B. Mat Zin
YBrs. En. Mohd Ali Maghpur B. Muhammad
YBrs. En. Wan Zulfadhli B. Wan Yusof
YBrs. En. Nik Azhar bin Nik Abdul Aziz

KETUA PENYELARAS PENERBITAN

YBrs. Cik Nik Nur Lydia binti Nik Mohd Hashim
Penolong Setiausaha (Inovasi)
Bahagian Pengurusan Korporat

PENYELARAS PENERBITAN

En. Mohd Ayub Khairul Bin Ahmad

JURUGAMBAR

En. Mohamed Faredi bin Nawawi
En. Mohd Ayub Khairul Bin Ahmad

ALAMAT SURAT MENYURAT

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Bahagian Pengurusan Korporat Aras 2,
MABNA MBI Blok 8 Kompleks Kota Darulnaim
15503 KOTA BHARU KELANTAN

EMAIL

korporat@kelantan.gov.my
buletinsuk@gmail.com
Tel: 09-748 1957
Fax: 09-744 3203

REKA BENTUK & PERCETAKAN

Percetakan & Penerbitan J.M
Lot 2385, Jalan Hospital,
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 013-932 0655
Email: pdpjm@yahoo.com

"FORUM EKSEKUTIF"

BERITA UTAMA

SEKSYEN 14 KANUN TANAH NEGARA: PELUANG ATAU CABARAN?

Grand Ballroom, Renai Hotel
9.15 Pagi
13 Rejab 1445H bersamaan 25 Januari 2024 (Khamis)

"Forum Eksekutif"

SEKSYEN 14 KANUN TANAH NEGARA : **PELUANG ATAU CABARAN ?**

Grand Ballroom, Renai Hotel
25 Januari 2024 (Khamis) bersamaan 13 Rejab 1445H



AMANAT TAHUN BAHARU & PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM TAHUN 2024

Penghayatan Membangun Bersama Islam

"Ekonomi Digital Pemacu Kelantan Maju Rakyat Sejahtera"

Khamis • 04 Januari 2024 • Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia • 8.00 Pagi

AMANAT TAHUN BAHARU & HIMPUNAN PENJAWAT AWAM TAHUN 2024

Penghayatan Membangun Bersama Islam

"Ekonomi Digital Pemacu Kelantan Maju Rakyat Sejahtera"

04 Januari 2024 Bersamaan 22 Jamadil Akhir 1445H/ Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia

Antara Petikan ucapan YAB. Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan:

Melalui strategi pertama iaitu kebijaksanaan, Nabi Yusuf menggunakan minda berpedomankan wahyu dalam menganalisa gambaran senario krisis ekonomi yang akan dihadapi oleh Mesir.

Melalui strategi kedua iaitu ketepatan, setelah menganalisa senario tersebut, Baginda Nabi Yusuf merangka pelan strategik untuk mengatasi krisis ekonomi tersebut.

Melalui strategi ketiga iaitu ketegasan, Nabi Yusuf menggariskan bahawa setiap strategi pelan tindakan tersebut perlu dipatuhi dengan tegas agar benar-benar dapat mencapai matlamat.

Kesimpulannya, setiap daripada kita wajar mengambil iktibar dari aspek kaedah, teknik dan strategi yang telah dilaksanakan dari tiga strategi Nabi Yusuf a.s. dalam mengurus dan mentadbir.

Justeru, penjawat awam adalah disarankan untuk merancang, mengurus, mengorganisasi dan melaksanakan strategi yang baik mengikut panduan dan ajaran Islam selaras dengan maqasid syariah dan mengikut pelan dan halatuju berasaskan kepada Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam.

Dokumen induk ini melibatkan sembilan belas (19) Kuasa Penggerak yang dirangkumkan dalam empat Kelompok Faktor iaitu Faktor Kepimpinan, Faktor Pengurusan Sumber, Faktor Pengurusan Alam Sekitar Lestari dan Teknologi serta Faktor Pengurusan Strategi.

Fasa pertama Penghayatan Membangun Bersama Islam adalah berpaksikan kepada 'Kelompok Faktor Kepimpinan' dan Kelompok Faktor Pengurusan Sumber.

Kuasa penggerak Kelompok Faktor Kepimpinan ialah kepimpinan ulama sebagai peneraju dalam ekonomi Islam, ketokohan kepimpinan Islam sebagai penentu perubahan dalam pentadbiran, keluhuran nilai kepimpinan yang berakhlak tinggi, pemantapan sistem perkaderan kepimpinan untuk masa depan dan pemerkasaan pendidikan rabbani.

Kuasa penggerak dalam Faktor Pengurusan Sumber ialah Pembudayaan Amalan Ekonomi Kitaran; dan Pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat.

Kesemua faktor dalam Kelompok Faktor Kepimpinan dan Kelompok Faktor Pengurusan Sumber mesti digerakkan secara kolektif untuk dijadikan dasar strategi yang kukuh untuk merealisasikan Kelantan Sejahtera 2033.

KDNK Negeri Kelantan telah mencatatkan peningkatan yang signifikan



bagi tahun 2022 iaitu sebanyak 4.3 peratus bernilai RM26.9 bilion berbanding RM25.8 bilion pada 2021.

Manakala Anggaran Hasil Negeri yang dijangka bakal dinikmati untuk 2024 berjumlah RM967.25 juta. Kadar pertumbuhan yang positif ini menandakan ekonomi negeri kita dalam keadaan sihat dan semakin berkembang.

Dalam pembentangan Belanjawan Negeri Kelantan 2024 baru-baru ini, saya telah menekankan lima teras belanjawan "Kelantan Mampai Berkata Sejahtera" iaitu teras pertama Pemerkasaan Agama Dan Pendidikan, teras kedua Rakyat Sejahtera, teras ketiga Ekonomi Progresif, teras keempat Melestarikan Alam Sekitar dan teras kelima Ihtirafi Tadbir Urus.

Justeru, pentadbiran awam negeri perlu bergerak bersandarkan asas kukuh yang telah dibina selama ini dengan mengambil pendekatan bersepadu dan proaktif untuk memacu pertumbuhan negeri.

Langkah dan gerak kerja mestilah merentasi pelbagai sektor selaras dengan strategi peningkatan ekonomi dan hasil Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pertumbuhan industri hiliran bagi sumber mineral dan mengatasi penguncupan dalam sektor pertanian demi menjamin sekuriti makanan dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Perhatian perlu diberi termasuk menarik pelaburan dalam sektor sumber asli, tenaga boleh diperbaharui, pembuatan, pelancongan lestari dan pertanian.

Senario dan cabaran semasa serta trend global memerlukan kita mengubah cara kita memberikan perkhidmatan kepada rakyat agar Perkhidmatan Awam terus diyakini dan dihormati.

Kita memerlukan usaha kolektif bukan sahaja untuk mengatasi isu-isu rakyat, bahkan juga isu-isu rantaian yang memerlukan penyelesaian secara strategik daripada semua pihak. Kita perlu berubah dan pantas menyesuaikan diri dengan perubahan semasa agar terus kekal relevan.





Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan

**AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)
NEGERI KELANTAN 2024**

10 Rejab 1445H / 22 Januari 2024 (Isnin)

Dewan Sri Makmur 2, H Elite Design Hotel, Kota Bharu



MAJLIS PERASMIAN BULAN SOLAT

26 Januari 2024 bersamaan 14 Rejab 1445H
Masjid Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan



Majlis Pelancaran

TAHUN MELAWAT KELANTAN TAHUN 2024

25 Februari 2024 bersamaan 15 Syaaban 1445H
Di Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad IV



Pada 25 Februari 2024, Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan telah ampuni berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Tahun Melawat Kelantan 2024 di Dataran Warisan, Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan. Majlis tersebut menampilkan kepelbagaian budaya melalui persembahan menarik seperti Dikir Barat, Rebana Ubi, Kertok Kelapa, Simfoni Gabungan Pergendangan, Tarian Singa, Tarian Gedombak Siam, Tarian India, dan banyak lagi dengan tema yang memukau, iaitu 'Malam Hikayat Selindung Bulan'. Antara sorotan malam itu adalah keunikan dan kekayaan warisan budaya Kelantan yang pastinya memukau setiap hadirin yang turut menyaksikan acara bersejarah ini.

Majlis Bacaan Yasin

Pada Malam Nisfu Syaaban bagi Tahun 1445H/2024M
Disempurnakan Oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan

14 Syaaban 1445H bersamaan 24 Februari 2024 (Sabtu)
Masjid Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan





08 Feb 2024: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan telah menganjurkan Program Lawatan Kerja YB. Dato' Kaya Setia Dato' Hj. Nazran Bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan Ke Sungai Semerak Pasir Puteh yang bertujuan untuk meninjau status semasa Cadangan Pembangunan Tok Bali Bandar Pelabuhan Maritim diatas tanah kerajaan seluas 40.288 ekar, Mukim Semerak, Jajahan Pasir Puteh.

Antara komponen pembangunan di tapak berkenaan adalah pembinaan jambatan gantung, boardwalk, bird aviary, pavillion, taman permainan kanak-kanak dan lain-lain.

Program ini turut dihadiri oleh YBhg. Datin Kaya Setia Datin Dr. Hj. Wan Nazariah Bt. W. Hassan, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan serta Majlis Pengurusan Tertinggi PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan, Dato-Dato Pegawai Pengurusan Tertinggi Kerajaan, Ketua Jajahan Pasir Puteh, Pengarah JKR, Timb. Pengarah JPS, Jabatan Perhutanan, PlanMalaysia@Kelantan, APMM serta PUSPANITA Jajahan Pasir Puteh.

Semua ahli rombongan program telah diberikan taklimat mengenai pembangunan cadangan projek dan dibawa menyusuri pesisiran Sungai Semerak bagi meninjau lokasi pembinaan Jambatan Gantung yang menghubungkan Jeti Tok Bali dan Taman Rekreasi yang merentasi Sungai Semerak.

Maylis Memperingati Peristiwa Israk dan Mikraj

Peringkat Negeri Kelantan bagi tahun 1445H/2024M

Disempurnakan Oleh
YANG TERAMAT MULIA TENGKU MAHKOTA KELANTAN
26 Rejab 1445H Bersamaan 7 Februari 2024 (Rabu)
Masjid Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan



Majlis Penyampaian Zakat

Melalui Majlis Orang-Orang Besar Diraja Kelantan
Bagi Tahun 1445H 2024M

30 Syaaban 1445 Hijriah / 11 Mac 2024

Masjid AL-Qudus Paya Bemban, Kota Bharu



Majlis Penyampaian Zakat

Melalui Majlis Orang-Orang Besar Diraja Kelantan
Bagi Tahun 1445H 2024M

9 Mac 2024 bersamaan 28 Syaaban 1445 Hijriah

Dewan Hilir Masjid Muhammadi Kota Bharu Kelantan



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KUIH RAYA AIDILFITRI 1445H

Pada 26.03.2024 Bersamaan 15 Ramadan 1445H
Bertempat di Dewan Bunga Teratai ,Kompleks Kota Darulnaim.

Majlis Penyerahan Sumbangan Kuih Raya Aidilfitri 1445H Kepada Pasukan-Pasukan Keselamatan Negeri Kelantan Disempurnakan Oleh YAB Dato Panglima Perang Ustaz Dato Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan Pada 26.03.2024 Bersamaan 15 Ramadan 1445H Bertempat di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim



PENGURNIAN BANTUAN PADA ASNAF DAN MAJLIS BERBUKA PUASA

Bersama Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan

Pada Sabtu, 12 Ramadhan 1445H bersamaan 23 Mac 2024
Bertempat Di Hotel Perdana, Kota Bharu



Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Ramadhan Majlis Orang-orang Besar Diraja Kelantan (MORB) Untuk keluarga miskin jajahan Pasir Mas Tahun 1445H/2024

30 Syaaban 1445H / 11 Mac 2024



Mesyuarat Agung PUSPANITA
Cawangan Negeri Kelantan Kali ke 41 Tahun 2024
 26 Februari 2024 bersamaan 16 Syaban 1445H
 Di Dewan Bunga Teratai Kompleks Kota Darulnaim.



Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim – YB. Dato Kaya Setia Dato; Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan telah hadir dan menyempurnakan Majlis Perasmian Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan Kali Ke 41 Tahun 2024. Selain daripada menyampaikan ucapan perasmian dan menyempurnakan gimik perasmian, YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan turut menyampaikan sumbangan kepada Tabung Infaq PUSPANITA serta menyampaikan sijil penghargaan kepada penderma iklaneka Buku Laporan PUSPANITA TAHUN 2023. Turut hadir di majlis ini adalah YABhg, Datin Panglima Perang Menteri Besar Kelantan, YBhg Datin Kaya Setia Datin Dr Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan, YB. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri, Pegawai Pengurusan Tertinggi Kerajaan, Ketua-ketua Jajahan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan Negeri Kelantan.



Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Inovasi Sektor Awam

PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2023

**14 Januari 2024 Bersamaan 02 Rejab 1445H
Di Dewan Bunga Teratai Kompleks Kota Darul Naim**

INOVASI TINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN AWAM - YB DATO' SUK

KOTA DARULNAIM, 14 Februari - Program-program inovasi anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dapat memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan penjawat awam, sekaligus meningkatkan kualiti perkhidmatan awam kepada golongan sasaran.

Setiausaha Kerajaan Kelantan, YB Dato' Kaya Setia Dato' Nazran Bin Muhammad berkata, pembudayaan inovasi dalam kalangan penjawat awam merupakan perkara yang penting agar perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan berada pada tahap terbaik.

"Sebagai penjawat awam, kita hendaklah sentiasa memikir dan melakukan pembaharuan terutama dalam cara kita bekerja, agar perkhidmatan yang kita berikan lebih efisien, menjimatkan kos serta sampai terus kepada golongan sasaran," katanya ketika berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Kelantan 2023, di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darulnaim.

Tambah beliau, penjawat awam perlu menggandakan lagi usaha untuk mencipta idea-idea baharu dalam sistem penyampaian perkhidmatan agar selari dengan arus globalisasi yang semakin berkembang pesat sekarang ini.

"Saya menyeru semua penjawat awam di semua peringkat untuk menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai amalan dalam gerak kerja seharian.

"Saya juga berharap semua anggota perkhidmatan tidak jemu untuk mencari idea-idea baharu yang menjadi asas kepada penjawat awam bagi mempertingkatkan lagi kualiti kerja agar perkhidmatan yang diberikan kepada golongan sasaran menjadi lebih baik."

Hadir sama Pengarah Tanah dan Galian, YBhg Dato' Rosnazli bin Amin, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YABrs. Tuan Haji Ab. Pattah bin Hasbullah dan Timbalan Pegawai Kewangan Negeri, YBrs. Encik Shahrin bin Abdullah.



Selamat Datang

YB Dato' Kaya Setia Dato' Haji Nazran bin Muhammad
Setiausaha Kerajaan Kelantan
ke
Jabatan Perkhidmatan Awam



KUNJUNGAN HORMAT YB. DATO' KAYA SETIA KE PEJABAT KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM PUTRAJAYA

Pada 31 Januari 2024 bersamaan 19 Rejab 1445H

Kunjungan hormat daripada YB Dato' Kaya Setia Dato' Haji Nazran bin Muhammad, Setiausaha Kerajaan Kelantan kepada YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) di Pejabat KPPA, Putrajaya





Majlis Solat Sunat Hajat & Tazkirah Dhuha

SEMPENA AWAL TAHUN BAHARU 2024 PUSPANITA CAWANGAN
NEGERI KELANTAN

15 Januari 2024 (Isnin)

Masjid Sultan Ismail Petra, Jalan PCB, Kampung Banggol, Kota Bharu



Program Solat Sunat Tasbih

Anjuran PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan



27 Mac 2024 (Rabu) bersamaan 16 Ramadhan 1445H
Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Kota Darulnaim.



Program Karnival Keusahawanan PUSPANITA Cawangan Negeri Kelantan 2024

23 Januari 2024 (Selasa) bersamaan 11 Rejab 1445H
di Perkarangan Parking Plaza Kompleks Kota Darulnaim.



PROGRAM PENYAMPAIAN SUMBANGAN RAMADHAN 1445H KE ENAM BADAN / RUMAH KEBAJIKAN SEKITAR KOTA BHARU

28 Februari 2024 (Rabu) bersamaan 19 Syaaban 1445H.



**Program Solat Sunat Dhuha & Kuliah Dhuha Pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan Bersama Penjawat Awam di Dewan Seminar MABNA-MBI, Kompleks Kota Darul Naim.
07 Januari 2024 Bersamaan 25 Jamadil Akhir 1445H**



Solat serta kuliah dipimpin oleh YB. Dato' Sri Amar D'Raja, YB. Dato' Mohd Amar bin Abdullah, Speaker Dewan Negeri Kelantan.

**Program Solat Sunat Dhuha & Kuliah Dhuha Pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan Bersama Penjawat Awam di Dewan Seminar MABNA-MBI, Kompleks Kota Darul Naim.
03 Mac 2024 Bersamaan 22 Syaaban 1445H**



Solat serta kuliah dipimpin oleh YB. Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan, Timbalan Menteri Besar Kelantan.

**Program Solat Sunat Dhuha & Kuliah Dhuha Pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan Bersama Penjawat Awam di Dewan Seminar MABNA-MBI, Kompleks Kota Darul Naim.
04 Februari 2024 Bersamaan 23 Rejab 1445H**



Solat serta kuliah dipimpin oleh YB. Mejar (B) Dato' Haji Md Anizam bin Abdul Rahman, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan Negeri Kelantan.



Bengkel HRMIS

Bengkel HRMIS Bil. 1 Tahun 2024 di Makmal Komputer, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Kota Darulnaim pada 10 Januari 2024. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi maklumat berkaitan data tidak berintegriti penjawat awam berserta latihan hands-on tentang cara-cara menguruskan data tersebut kepada Pentadbir HRMIS jabatan.

Taklimat Pengurusan

Taklimat Pengurusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) pada 10 Januari 2024 bertempat di Bilik Gerakan Negeri MABNA-MBI, Kompleks Kota Darulnaim. Taklimat Pengurusan Prestasi & PPSM disampaikan oleh YBrs Puan Diana Melati bt Mohamed, Penolong Pengarah Kanan Seksyen Prestasi & Kaunseling, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK Kelantan.



Bengkel Pemantapan

Bengkel pemantapan penghasilan dokumentasi KIK horizon baharu peringkat negeri Kelantan tahun 2024 bertempat di Manor Beach Resort, Besut, Terengganu melibatkan 3 siri iaitu siri 1 04-05 Februari 2024 siri 2 18-19 Februari 2024 dan siri 3 25-26 Februari 2024 yang di anjurkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat.



SEJARAH PEMBINAAN

Masjid Besar Kota Bharu mula didirikan pada tahun 1867, Masjid ini asalnya ialah sebuah masjid kayu yang terletak di pinggir Sungai Budor, Seberang Paloh, sebelum dipindahkan dari tapak asalnya kerana ancaman banjir yang sering melanda. Tidak terdapat sumber sahih yang menyatakan tarikh sebenar masjid ini mula dibina, tetapi ianya dipercayai telah wujud semenjak zaman pemerintahan Sultan Muhammad II yang memerintah Kelantan pada 1837 hingga Oktober 1886. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa masjid ini telah dibina lebih awal lagi, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad I antara tahun 1801 hingga 1837.

